KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN

MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PERASMIAN PENYERAHAN PROJEK

JALAN LUAR BANDAR (JALB)

KKDW

PADA:

8 DISEMBER 2024 (AHAD)

10.30 PAGI

LOKASI:

JALAN PEKET 100, SIMPANG LIMA,

SUNGAI BESAR, SELANGOR DARUL EHSAN.

RINGKASAN

1. **Pengenalan**

- Jalan raya adalah infrastruktur penting untuk ekonomi dan sosial.
- Pembangunan jalan di kawasan desa menjadi simbol kemajuan dan kesejahteraan masyarakat.

2. **Kejayaan Projek JALB di Sabak Bernam**

- **Nilai Projek:** RM18.1 juta (kos sebenar: RM17.7 juta, penjimatan: RM400,000).
- **Nama Jalan Terlibat:** Jalan Nipah, Jalan Taliair 13, Jalan Peket100
- **Panjang Laluan:** 8.1 km.
- Jalan ini menghubungkan kawasan penting termasuk Pekan Sekinchan, Pasir Panjang, Sungai Besar, dan Sabak Bernam

3. **Spesifikasi dan Kejayaan Projek**

- **Skop Kerja:** Pembinaan jalan, saliran, perlindungan alam sekitar, pengalihan utiliti, pemasangan paip air untuk sawah padi, tembok penahan tebing, pembentung, menurap jalan, dan pemasangan perabot jalan.
- **Pencapaian:**
    - Menepati 16 KPI JKR seperti sifar kecederaan, siap dalam tempoh projek, tiada lanjutan masa, dan penyerahan projek dalam tempoh tiga bulan selepas CPC.

4. **Komitmen Kerajaan Perpaduan**

- **Belanjawan 2025:** Peruntukan RM11.96 bilion kepada KKDW, peningkatan sebanyak RM405.27 juta berbanding tahun 2024.
- **Projek Pembangunan:** RM7.49 bilion diperuntukkan untuk pelaksanaan projek luar bandar seperti jalan, air, elektrik, dan telekomunikasi.
- **Matlamat Utama:** Mewujudkan peluang ekonomi mampan agar masyarakat desa dapat berada di kampung halaman dengan kehidupan yang lebih baik.

5. **Penutup**

- Projek ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat dengan membangunkan infrastruktur berkualiti tinggi.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia Madani

SALUTASI SEWAJARNYA

MUKADIMAH

1. Jalan raya merupakan kemudahan awam yang amat penting kerana ia digunakan oleh semua orang pada setiap masa. Infrastruktur jalan raya ini juga menjadi antara kemudahan asas yang sentiasa menjadi perhatian masyarakat dalam menjalankan aktiviti perekonomian mahupun aktiviti sosial.

2. Saya menyedari bahawa pembangunan infrastruktur jalan khususnya di kawasan desa bukan sekadar penghubung fizikal, tetapi juga simbol kemajuan dan kesejahteraan masyarakat di perdesaan.

3. Justeru, saya melihat **Majlis Perasmian Penyerahan Projek Jalan Luar bandar (JALB) KKDW** pada hari ini sebagai pembuktian kepada usaha dan komitmen Kerajaan, untuk memastikan masyarakat terus menerima impak pembangunan yang akan merapatkan lagi jurang sosio-ekonomi di antara kawasan bandar dan desa.

KEJAYAAN PROJEK JALB DI SABAK BERNAM

Hadirin sekalian,

4. KKDW memberi tumpuan utama kepada pembangunan kawasan dan masyarakat desa, baik daripada segi infrastruktur mahupun ekonomi, untuk memastikan kesejahteraan kekal terjamin.

5. KKDW turut menggunakan pendekatan yang berstruktur dalam memastikan projek yang dirancang dan dilaksanakan memberi impak positif kepada rakyat. Skop projek yang dilaksanakan oleh KKDW meliputi keseluruhan elemen pembangunan bagi kawasan desa - termasuklah infrastruktur dan sosioekonomi penduduk. Maka, Kementerian sentiasa merancang program dan projek dengan pendekatan secara komprehensif dan menyeluruh.

6. Sepertimana semua sedia maklum, penyerahan projek pada hari ini melibatkan usaha menaiktaraf **Jalan Nipah, Taliair 13 dan Peket 100 Daerah Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan sepanjang 8.1 kilometer.**

7. Jalan-jalan ini adalah jajaran jalan negeri bermula daripada **Jalan Negeri B110 Jalan Terusan Utama bersambungan dengan Jalan Persekutuan FT005 di mana boleh terus**

ke Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE). Jalan yang dinaiktaraf ini juga boleh **menghubungkan ke Pekan Sekinchan, Pasir Panjang, Sg. Besar dan Sabak Bernam.**

8. Kerajaan melalui KKDW, Kementerian Kerja Raya Malaysia, Bahagian Pembangunan Projek Luar Bandar Cawangan Jalan Ibu Pejabat JKR Malaysia, telah memberi kepercayaan kepada JKR Negeri Selangor dan JKR Daerah Sabak Bernam untuk melaksanakan projek ini.

9. Kepercayaan yang diberikan secara tidak langsung menunjukkan bahawa JKR dan KKDW memainkan peranan yang besar dalam membantu kepada pembangunan di dalam negara dan pembangunan jalan desa Negeri Selangor khususnya.

10. Begitu juga dengan pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Daerah Sabak Bernam, syarikat-syarikat utiliti seperti TNB, Air Selangor, dan lain-lain agensi yang terlibat, tanpa penglibatan anda secara langsung mahupun tidak langsung, sudah pasti projek JALB tidak dapat direalisasikan sepertimana yang kita saksikan pada hari ini.

11. Kejayaan pembinaan projek ini menjadi kenyataan disebabkan wujudnya komitmen yang tinggi dari semua peringkat pengurusan, melibatkan pegawai-pegawai yang diterajui oleh pasukan projek JKR, pihak berkuasa tempatan, syarikat-syarikat utiliti dan Kontraktor utama yang terlibat secara langsung menyiapkan projek ini dengan sempurna.

SPESIFIKASI PROJEK

12. Projek ini menjadi bukti komitmen Kerajaan untuk memberikan kemudahan kepada rakyat dengan tidak meminggirkan masyarakat di kawasan desa mahupun pedalaman di seluruh negara.

13. **Projek ini juga membawa penjimatan dengan dengan kos sebenar RM17.7 juta berbanding peruntukan yang diluluskan sebanyak RM18.1 juta.** Ini bermakna, dengan kecekapan semua pihak memantau dan menyelia projek ini, wang Kerajaan berjaya dijimatkan sebanyak RM400 ribu ringgit.

14. Projek ini telah melalui pelbagai kerja yang rumit bagi memberikan yang terbaik untuk rakyat yang merangkumi kerja meroboh dan membersihkan kawasan kerja, kerja

pengorekan dan penambakan tanah, kerja saliran, perlindungan alam sekitar, pengalihan utiliti, pemindahan paip air untuk pengairan sawah padi, membina tembok penahan tebing, membina pembentung, menurap jalan baru dan pemasangan perabot jalan.

15. Dalam mana-mana projek sekalipun, kita bukan mahu kos nya dijimatkan semata-mata - yang paling penting adalah projek ini disiapkan dengan memenuhi standard yang telah ditetapkan. Ini lah kehendak rakyat ketika ini. Mereka mahu melihat bukan sahaja pembangunan dan kemudahan disalurkan tetapi hasilnya perlu melalui proses yang telus, berintegriti, dan mencapai tahap yang memuaskan.

16. Jadi, saya berbangga dengan projek ini kerana selain memberikan penjimatan kos, projek ini turut menepati kesemua 16 KPI JKR seperti tenaga hijau, sifar kecederaan, siap dalam tempoh projek, sifar kecederaan, tiada lanjutan masa, penyerahan projek dalam tempoh 3 bulan selepas CPC dan banyak lagi.

17. Dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat, kita mesti sentiasa melakukan yang terbaik. Bukan sahaja untuk memenuhi KPI kerajaan yang ditetapkan, tetapi juga untuk mencapai KPI rakyat, yang pada akhirnya akan

diterjemahkan kepada sokongan dan kepercayaan mereka. Insya-Allah.

KOMITMEN KERAJAAN PERPADUAN

Hadirin sekalian,

18. Kita boleh lihat dengan bahawa usaha yang dilakukan ini jelas menunjukkan keprihatinan dan komitmen Kerajaan Perpaduan, dalam menyediakan lebih banyak kemudahahan asas dan merapatkan jurang pembangunan di antara bandar dan desa.

19. Sebagai Menteri KKDW, saya memegang satu mandat yang besar untuk memastikan tidak ada kampung yang ketinggalan dari menerima pembangunan terutamanyanya kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air, jaringan telekomunikasi dan sebagainya. Sama ada cepat atau lambat, pembangunan infrastruktur pasti akan dilaksanakan.

20. Untuk memastikan pembangunan yang lebih pantas dan berterusan khususnya di luar bandar, saya bersyukur kerana YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim melalui Belanjawan 2025 telah memperuntukkan kepada KKDW sebanyak RM11.96 bilion iaitu peningkatan

sebanyak RM405.27 juta atau3.51 peratus berbanding tahun 2024.

21. Daripada keseluruhan peruntukan yang diberi, **sebanyak RM7.49 bilion diperuntukan untuk KKDW melaksanakan projek-projek pembangunan seperti pembinaan jalan, bekalan elektrik, air dan sebagainya.** Projek-projek yang dilaksanakan juga bertujuan memperkukuh agensa Desa MADANI dan seterusnya memberi manfaat kepada 8.1 juta penduduk desa di seluruh negara.

22. Pada masa yang sama, Kerajaan melalui KKDW terus komited mewujudkan peluang ekonomi yang lebih mampan di kawasan desa. Usaha ini memastikan masyarakat, terutamanya golongan muda, berpeluang menjana pendapatan dan membina kehidupan yang lebih baik tanpa perlu berhijrah ke bandar, sebaliknya kekal di kampung halaman mereka dengan potensi ekonomi yang kukuh.

23. Dengan jaringan jalan yang baik, warga Sungai Besar dapat keluar bekerja, menjalankan perniagaan, dan mengakses peluang ekonomi dengan lebih mudah. Melalui jalan yang baik, kita dapat berhubung dengan keluarga dan sahabat

handai. Melalui jalan yang baik, kita mencipta masa depan yang lebih cerah dan sejahtera untuk seluruh komuniti.

24. Di hadapan tuan-tuan dan puan-puan semua, saya menyatakan komitmen dan akan terus berusaha untuk memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi, infrastruktur, pendidikan, dan kesihatan, khususnya di Sungai Besar ini. Saya juga mohon 2,721 perbezaan sokongan sebelum ini dapat dikembali – berkat usaha yang kita telah bersama sematkan.

25. Di hadapan tuan-tuan dan puan-puan sekalian, saya menyatakan komitmen penuh untuk terus memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi, infrastruktur, pendidikan, dan kesihatan, khususnya di Sungai Besar ini. Saya juga berharap agar perbezaan sokongan sebelum ini dapat diraih kembali, berkat usaha bersama yang telah kita sematkan dengan penuh keikhlasan dan kesungguhan.

Nota -

P.093 SUNGAI BESAR	
NAMA PADA KERTAS UNDI / PARTI	**BIL UNDI**
DATO' SRI JAMAL YUNOS (BN)	13,984
DATO' ASMAWAR BIN SAMAT (PEJUANG)	225
CIKGU MUSLIMIN YAHAYA (PN)	19,791
HJ SAIPOLYAZAN M YUSOP (PH)	17,070

PENUTUP

Hadirin sekalian,

26. Sesungguhnya, peranan yang telah dimainkan oleh semua pihak adalah sangat bermakna di dalam membantu KKDW mencapai objektif serta pematuhan keperluan-keperluan kontrak dengan lebih mudah dan berkesan.

27. Menjadi harapan saya agar Projek Jalan Luar Bandar ini dapat memberi keselesaan dan keselamatan kepada pengguna jalan raya dan Infrastruktur jalan raya yang merupakan nadi utama dalam memastikan rakyat menikmati kemudahan asas yang berkualiti serta menyumbang kepada pembangunan sosio ekonomi negara khususnya di kawasan perdesaan.

28. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dengan projek JALB dan menganjurkan majlis pada pagi ini.

29. Dengan lafaz Bismillah, saya dengan ini **Merasmikan Penyerahan Jalan Nipah, Jalan Taliair 13 Dan Jalan Peket 100.**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.